

NO. SOALAN: 75

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 17 MEI 2016

RUJUKAN : 9141

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan saman dan jumlah hukuman kesalahan trafik yang masih belum dibayar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Sistem Trafik COPS (*Compound Online Payment System*), statistik saman yang dikeluarkan kepada pesalah jalan raya bagi tahun 2010 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut:-

TAHUN	SAMAN DIKELUARKAN	SAMAN SELESAI/JELAS	SAMAN TERTUNGGAK
2010	4,888,507	3,619,148 (74%)	1,270,359 (26%)
2011	4,172,579	2,358,686 (57%)	1,813,893 (43%)
2012	4,341,856	2,250,705 (52%)	2,091,151 (48%)
2013	4,851,002	2,136,109 (44%)	2,714,893 (56%)
2014	5,482,683	2,189,533 (40%)	3,293,150 (60%)
2015	4,689,786	1,278,746 (27%)	3,411,040 (73%)
JUMLAH	28,427,413	13,832,927 (49%)	14,594,486 (51%)